

aab

Asean - Hak

I

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia hari ini mempertikaikan definasi demokrasi, dan bersamanya isu hak asasi manusia, yang negara-negara maju di Barat cuba memaksa ke atas negara-negara sedang membangun di Timur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak anggapan kononnya demokrasi mempunyai satu definasi sahaja iaitu sesuatu sistem politik akan hanya diiktiraf sebagai demokratik apabila ia mencapai tahap mengikut 'kayu pengukur' tertentu.

+Begitu juga dengan tanggapan sesebuah masyarakat terhadap hak asasi manusia yang jelas berbeza daripada sebuah masyarakat dengan sebuah masyarakat lain serta dalam satu tempoh dengan satu tempoh lain dalam sesebuah masyarakat itu sendiri,+ katanya semasa merasmikan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean Ke-24 di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir mengutarakan soal hak asasi manusia awal-awal lagi sebelum Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri antara Asean dan Kesatuan Eropah (EC) di sini minggu depan memandangkan EC dijangka mengaitkan isu perdagangan, pelaburan dan kewangan dengan rekod hak asasi manusia negara-negara anggota Asean. EC telahpun mengambil pendirian serupa pada mesyuaratnya dengan Asean di Luxembourg pada Mei lepas.

Perdana Menteri berkata, pengaitan isu-isu itu merupakan syarat dan tindakan perlindungan cara baru. -- Lagi

♥19/07/16-22MST

aab

Asean - Hak 2 Kuala Lumpur

+Agak sukar untuk melihat bahawa motivasi pengaitan kedua-dua perkara itu bukan bersifat politik dan untuk faedah sendiri,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga bercakap tentang usaha sesetengah kumpulan pekerja di Amerika Syarikat yang mendesak agar keistimewaan yang dinikmati oleh Malaysia di bawah Sistem Keutamaan Am (GSP) ditarik balik atas asas bahawa Malaysia telah mencabuli hak asasi dan kebebasan pekerja.

Beliau memberitahu negara-negara maju bahawa jika keistimewaan yang dinikmati oleh Malaysia di bawah GSP ditarik balik, maka kadar pelaburan ke negara ini akan berkurangan dan ini akan mengakibatkan para pekerja hilang pekerjaan.

Atas asas yang sama, tidak ada seorangpun yang dapat mendakwa dia begitu bijak sekali untuk menentukan apa yang baik dan betul untuk semua negara dan semua orang, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, pengalaman Asean membuktikan bahawa keamanan dan keselamatan selain demokrasi, kebebasan dan kestabilan boleh dicapai dan dikekalkan hanya apabila orang ramai 'tidak disekat secara ekonomi' tetapi diberikan peluang dalam kehidupan. -- Lagi

♥19/07/16-28MST

U GB 19-07 00191 BB218

aab

Asean - Hak 3 Kuala Lumpur

Atas sebab inilah, negara-negara Asean telah dengan tepat sekali meletakkan keutamaan yang utama terhadap kestabilan politik dengan menguruskan perimbangan antara hak individu dan keperluan masyarakat keseluruhannya.

Ini telah membolehkan rantau ini dan penduduknya mencapai kemajuan sosio-ekonomi yang membanggakan serta memperkukuhkan ketahanan individu dan kumpulan.

Perdana Menteri juga meminta negara-negara Asean agar berusaha untuk mewujudkan peraturan baru dunia, yang tidak bermakna kebebasan daripada ancaman perang tetapi satu dunia yang bebas daripada kemiskinan, kebuluran, dan penyakit dengan semua negara dan penduduknya hendaklah dibenar memanfaatkan potensi mereka melalui cara-cara yang secukupnya dengan perkembangan sejarah, kebudayaan dan suasana negara mereka.

Merujuk kepada konflik Kemboja, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan rakyat negara itu bahawa jika mereka tidak memutuskan sendiri untuk menamatkan perang saudara di negara itu, maka negara-negara lain di rantau ini dan dunia keseluruhannya akan meninggalkan mereka jauh ke belakang.

+Negara Kemboja yang sentiasa berperang dengan negara lain di rantau ini dan sekitar dunia meninggalkan mereka jauh kebelakang ialah satu senario yang mungkin berlaku, tetapi kita mahu menghalang perkara seperti itu daripada berlaku,+ katanya. -- Lagi

♥19/07/16-43MST

U GB 19-07 00148 BB219

aab

Asean - Hak 4 Kuala Lumpur

Rakyat Kemboja perlu mencari keamanan di kalangan mereka dahulu sebelum mereka dapat bersama-sama menyertai kehidupan serantau, katanya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau gembira gencatan senjata dicapai baru-baru ini antara kumpulan-kumpulan yang bertelagah di Kemboja sehingga tertubuhnya Majlis Kebangsaan Tertinggi Kemboja (SNC), yang diketuai oleh Putera Norodom Sihanouk.

Para pemimpin kumpulan-kumpulan yang bertelagah yang berbincang di Beijing, awal minggu ini memilih Putera Sihanouk sebagai Pengerusi SNC yang mempunyai 12 anggota.

Rancangan perdamaian Sihanouk ialah supaya keempat-empat kumpulan yang bertelagah meletakkan senjata, dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menguruskan perjalanan harian negara itu dengan SNC mewakili kedaulatan kebangsaan negara tersebut.

+Kami menyambut baik perkembangan ini dan berharap bahawa gencatan senjata itu akan berpanjangan agar kita dapat mengusahakan satu perdamaian yang berkekalan untuk Kemboja,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama

♥19/07/17-16MST